



27 Disember 2018  
27 December 2018  
P.U. (A) 350

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PAMPASAN PEKERJA (SKIM PAMPASAN PEKERJA ASING) (INSURANS) (PEMBATALAN) 2018

### *WORKMEN'S COMPENSATION (FOREIGN WORKERS' COMPENSATION SCHEME) (INSURANCE) (REVOCATION) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PAMPASAN PEKERJA 1952

PERINTAH PAMPASAN PEKERJA (SKIM PAMPASAN PEKERJA ASING)  
(INSURANS) (PEMBATALAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 26(2) Akta Pampasan Pekerja 1952 [*Akta 273*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pampasan Pekerja (Skim Pampasan Pekerja Asing) (Insurans) (Pembatalan) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

**Pembatalan**

2. Perintah Pampasan Pekerja (Skim Pampasan Pekerja Asing) (Insurans) 2005 [*P.U. (A) 45/2005*], yang disebut “Perintah yang dibatalkan” dalam Perintah ini, dibatalkan.

**Kecualian**

3. (1) Suatu polisi insurans yang dikeluarkan oleh penanggung insurans yang dilantik di bawah Perintah yang dibatalkan bagi maksud Skim Pampasan Pekerja Asing sebagaimana yang dinyatakan di bawah Perintah yang dibatalkan yang masih berkuat kuasa sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, terus terpakai bagi mana-mana pekerja yang telah diinsuranskan oleh majikannya di bawah polisi insurans itu sehingga habis tempoh polisi insurans itu.

(2) Penanggung insurans yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah, pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, terus memberikan—

- (a) perlindungan dan faedah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah polisi insurans yang masih berkuat kuasa sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini; dan
- (b) faedah tambahan berhubung dengan Skim Pampasan Pekerja Asing sebagaimana yang dinyatakan di bawah Perintah yang dibatalkan,

kepada pekerja yang telah diinsuranskan oleh majikannya di bawah polisi insurans itu sehingga habis tempoh polisi insurans itu.

Dibuat 18 Disember 2018  
[KSM/PUU(S)600-1/2/2/1; PN(PU2)296/VII]

M. KULASEGARAN  
*Menteri Sumber Manusia*

WORKMEN'S COMPENSATION ACT 1952

WORKMEN'S COMPENSATION (FOREIGN WORKERS' COMPENSATION SCHEME)  
(INSURANCE) (REVOCATION) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by subsection 26(2) of the Workmen's Compensation Act 1952 [*Act 273*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Workmen's Compensation (Foreign Workers' Compensation Scheme) (Insurance) (Revocation) Order 2018**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2019.

**Revocation**

2. The Workmen's Compensation (Foreign Workers' Compensation Scheme) (Insurance) Order 2005 [*P.U. (A) 45/2005*], which is referred to as the "revoked Order" in this Order, is revoked.

**Saving**

3. (1) An insurance policy issued by an insurer appointed under the revoked Order for the purpose of the Foreign Workers' Compensation Scheme as specified under the revoked Order which is still in force immediately before the coming into operation of this Order shall, on and after the date of coming into operation of this Order, continue to apply to any workman who has been insured by his employer under such insurance policy until the expiry of such insurance policy.

(2) The insurer referred to in subparagraph (1) shall, on and after the date of coming into operation of this Order, continue to provide—

(a) the coverage and benefits as provided under the insurance policy which is still in force immediately before the coming into operation of this Order; and

(b) the additional benefits in relation to the Foreign Workers' Compensation Scheme as specified under the revoked Order,

to the workman who has been insured by his employer under the insurance policy until the expiry of such insurance policy.

Made 18 December 2018  
[KSM/PUU(S)600-1/2/2/1; PN(PU2)296/VII]

M. KULASEGARAN  
*Minister of Human Resources*